

Jangan sentuh hak orang Melayu

um - 16/11/2006

KUALA LUMPUR 15 Nov. - UMNO Kelantan mengingatkan kaum lain supaya tidak sesekali mempertikaikan hak keistimewaan Melayu kerana orang Melayu sendiri tidak pernah mengganggu mereka mengaut kekayaan.

Dengan nada lantang, Md. Alwi Che Ahmad menegaskan terdapat lima perkara yang tidak boleh diganggu-gugat oleh kaum lain yang dianggapnya sebagai hak istimewa iaitu raja, agama, bahasa, adat dan tanah air.

"Jangan sesiapa pertikaikannya dan kita telah tetapkan dalam perlembagaan kita termasuk Artikel 121...saya dah mula selingsing lengan ni.

"Kamu nak berniaga, nak buat bangunan, nak buat projek, kamu nak ambil perniagaan, ambil la, tetapi hal raja, hal agama, hal negara ini, jangan sekali-kali kamu persoalkan," katanya sambil disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan ketika membahas usul ucapan dasar Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Ketereh berkata, biarpun isu yang ditimbulkan itu adalah sensitif, namun perkara tersebut perlu dibangkitkan juga demi orang Melayu sendiri.

Setiap orang Melayu, katanya, pasti mempunyai rakan di kalangan orang Cina, namun belum tentu orang Cina mempu-

nyai kawan di kalangan orang Melayu.

Bagaimanapun tegasnya, apabila membicarakan mengenai soal agama, jangan sekali-kali ada cubaan mengheret anak Melayu ke dalam agama mereka.

"Mereka (kaum lain) berharta di negara ini, mereka dapat permit perniagaan di negara ini, dulu tidak. Ini negara kita, kita tuannya tapi tak pernah lupakan orang lain," katanya yang sering mengamatkan dewan dengan gaya tersendiri ketika berucap.

Bagaimanapun, Md. Alwi yang petah berkata-kata itu ternyata kecewa kerana ada anak Melayu sendiri yang pernah menjadi pemimpin sanggup menyokong tuntutan agar hak keistimewaan orang Melayu digugurkan.

Md. Alwi turut menyeru supaya UMNO dan Pas berbaik-baik dan bersatu atas nama Islam demi kepentingan orang Melayu dan tanah air.

Beliau mempersoalkan sampai bila orang Melayu perlu bergaduh dan berkonflik sehingga timbul kata mengata antara satu sama lain sedangkan ahli UMNO dan Pas adalah orang Islam.

Menyentuh mengenai kritikan terhadap Presiden UMNO, Md. Alwi berkata, ia boleh dilakukan namun ada cara yang tersendiri dan mengikut adab tertentu serta tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya.

Beliau sendiri, katanya, pernah menegur Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Parlimen serta di pejabatnya, namun Perdana Menteri boleh menerimanya dengan hati terbuka teguran itu.

Untuk menjelaskan mengenai cara menegur, Md. Alwi menceritakan bagaimana seorang bapa yang menjadi imam ketika bersembahyang bersama menantu, isteri serta anaknya.

Bapa berkenaan, katanya, menjadi keliru untuk memilih surah dan hanya mengulangi perkataan 'inna' sebanyak lima kali menyebabkan menantunya menyebut perkataan 'innalillah' kerana lama menunggu.

"Ini menyebabkan bapanya terkejut kerana menyangka isterinya mati. Ini adalah contoh di mana kalau nak tegur, tegur dengan cara tertentu bukannya tak kena cara dan tak kena tempat," jelasnya.